



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA  
INSTITUT PENYELIDIKAN SAINS DAN TEKNOLOGI PERTAHANAN (STRIDE)

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor tempatan **Gred G3** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dan mempunyai **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK)** Serta **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** yang masih sah mengikut kategori dan pengkhususan seperti di bawah:

TAJUK SEBUT HARGA DAN NO. RUJUKAN	KOD BIDANG	TARIKH, MASA DAN TEMPAT TAKLIMAT/ LAWATAN TAPAK	TARIKH PELAWAAN/ TARIKH TUTUP
<b>TAWARAN SEBUT HARGA KERJA-KERJA NAIKTARAF BAKI PAGAR <i>CHAIN LINK</i> KEPADA PAGAR <i>ANTI-CLIMB</i> DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI KOMPLEKS PERSENJATAAN, INSTITUT PENYELIDIKAN SAINS &amp; TEKNOLOGI PERTAHANAN (STRIDE), BATU ARANG, SELANGOR</b>  Ruj. Sebut Harga : KP/STRIDE/PK/SH/25(07)OE/IK	<b>Gred : G3</b>  <b>Kategori : CE</b>  <b>Sub. Kategori : CE21, CE36</b>	<b>17 April 2025 (Khamis)</b> <b>Jam 10.30 Pagi</b>  Bilik Mesyuarat, Kompleks Persenjataan, Institut Penyelidikan Sains & Teknologi Pertahanan (STRIDE), Batu Arang, Selangor	<b>Tarikh Pelawaan : 11 April 2025 (Jumaat)</b>  <b>Tarikh Tutup : 24 April 2025 (Khamis) jam 12.00 Tengah hari</b>

2. Kontraktor **adalah diwajibkan menghadiri taklimat dan lawatan tapak**. Taklimat hanya akan diadakan **satu (1) kali sahaja**. Kontraktor dikehendaki berkumpul di **Bilik Mesyuarat, Kompleks Persenjataan, Institut Penyelidikan Sains & Teknologi Pertahanan (STRIDE), Batu Arang, Selangor** pada tarikh dan masa yang ditetapkan. **Hanya PENAMA** di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang boleh menghadiri lawatan tapak atau taklimat sebut harga dan tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama yang dibenarkan dalam sijil. **Surat Kebenaran Khas CIDB adalah tidak dibenarkan**.
3. Kontraktor boleh mendapatkan dokumen sebut harga pada hari taklimat dan **kontraktor yang menghadiri taklimat dan lawatan tapak sahaja dibenarkan mengambil dokumen sebut harga**. Dokumen sebut harga hanya diberi kepada kontraktor yang menunjukkan **SIJIL ASAL PPK DAN SPKK** yang dikeluarkan oleh CIDB dan SSM serta mempunyai Kod Bidang seperti di atas. Syarikat/ Pembekal **WAJIB** membawa **SIJIL ASAL Bertaraf Bumiputera (jika bertaraf bumiputera)** dan kemukakan **satu (1) Salinan** sijil-sijil tersebut (tidak dikembalikan) **yang masih sah tempohnya** untuk semakan Kod Bidang dan Pengesahan Pendaftaran kepada pihak urus setia. **Sila bawa bersama Cop Syarikat yang beralamat lengkap**.
4. Dokumen sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah di masukkan ke dalam **Peti Sebut Harga 'A' di Blok A, Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE), Kajang, Selangor** tidak lewat dari **jam 12.00 tengah hari, pada 24 April 2025 (Khamis)**. Tawaran yang **LEWAT** diterima tidak akan dipertimbangkan/ ditolak.
5. Pegawai untuk dihubungi:

**EN. ZAINARUL ASWAD BIN RAZALI**  
Penolong Jurutera JA5  
Unit Penyelenggaraan  
03-40126887